

TEKS UCAPAN
SETIAUSAHA PERBANDARAN
MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH ANUGERAH SEKOLAH
HIJAU MPSP 2013
11 NOVEMBER 2013 (ISNIN), JAM 2.30 PETANG
KONKUS MEGAMALL PINANG, JALAN BARU

Yang Berhormat Tuan Chow Kon Yeow

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang,
Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Pengurusan
Lalulintas & Tebatan Banjir

Yang Dihormati Ahli Majlis - Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Dihormati Encik Yen Siew San

Ketua Pegawai Eksekutif
Continental Automotive Components (M) Sdn Bhd

**Yang diraikan, Pelajar-pelajar dan Guru-guru yang mengambil
bahagian dalam Majlis Penyampaian Anugerah Sekolah Hijau MPSP
2013**

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-pegawai
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Rakan-rakan Media

Tuan-tuan dan Puan-puan hadirin sekalian

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Selamat Petang dan Selamat Sejahtera.

Bersyukur kita ke hadrat Allah s.w.t kerana memberi kita semua kesihatan dan juga kekuatan untuk sama – sama menghadiri Majllis Penyampaian Anugerah Sekolah Hijau MPSP 2013 pada hari ini.

Hadirin sekalian,

Tujuan Anugerah Sekolah Hijau ini ialah untuk mendedahkan pendekatan secara holistik berkenaan pengurusan alam sekitar dan menggalak penambahbaikan berterusan. Ia perlu diberi tumpuan kepada pengurangan sisa-sisa buangan, pemeliharaan sumber dan lain-lain lagi.

Menerusi program ini, pelajar-pelajar akan dibentuk menjadi satu pasukan bagi melaksanakan akitiviti-aktiviti yang yang direncanakan. Pelajar juga perlu mengemukakan laporan mengenai usaha-usaha penjagaan alam sekitar termasuk rancangan penambahbaikan.

Hadirin yang dihormati,

Untuk makluman hadirin sekalian, Program Anugerah Sekolah Hijau ini telah diadakan bersama-sama Continental Automotive Components Malaysia Sdn. Bhd untuk tahun keempat berturut-turut. Pada tahun 2010, sebanyak 30 sekolah telah menyertai pertandingan ini, manakala 36 buah sekolah telah menyertai program yang sama pada 2012. Bagi tahun 2013 bilangan penyertaan telah bertambah kepada 86 buah sekolah iaitu 59 sekolah rendah dan 27 sekolah menengah. Bahkan pada tahun ini, Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) telah menggandakan usaha bagi menjayakan program ini dengan mengadakan bengkel di 37 buah sekolah pada tahun ini berbanding 21 buah sekolah pada tahun 2012. Sekolah-sekolah hijau juga telah diberi 14 buah pasu bunga setiap sekolah tajaan Guppy Plastic Industries Sdn Bhd, Bukit Tengah. Bakul-bakul untuk mengisi barang kitar semula juga diberi kepada sekolah-sekolah di luar bandar selepas bengkel.

Hadirin yang dimuliakan,

Sebanyak 32 buah sekolah telah mengasingkan sisa organik di kantin untuk tujuan pengomposan. Sekolah-sekolah yang menyertai program ini telah diberi kompos mengikut kutipan sisa organik iaitu sebanyak 2 peratus. Terdapat beberapa cabaran dan permasalahan yang dihadapi sepanjang program ini berlangsung. Antaranya adalah masalah

pengangkutan dalam mengendalikan pengutipan bahan-bahan untuk tujuan pengomposan oleh Shence International, iaitu syarikat yang membuat kompos di Pasar Awam Bagan Ajam . Namun begitu, masalah tersebut akan diatasi secepat mungkin oleh syarikat tersebut. Penilaian Anugerah Sekolah Hijau merangkumi 10 kriteria iaitu: Amalan 3R, penggunaan sisa makan, penggunaan minyak masak terpakai, bahan pembersih, pengurangan beg plastik, tanam pokok, penjimatan tenaga, penjimatan air, kebersihan kawasan sekolah dan aktiviti lain yang kreatif dan berinovasi.

Hadirin sekalian,

Dengan adanya program seumpama ini maka diharapkan MPSP akan dapat meningkatkan lagi interaksi dan kesedaran dalam kalangan pelajar-pelajar sekolah mengenai kepentingan menjaga alam sekitar serta meningkatkan penggunaan semula bahan buangan, melaksanakan aktiviti kitar semula dan seterusnya mengurangkan pembuangan sampah ke tapak pelupusan.

Harapan MPSP dan Continental Automative adalah untuk melihat lebih banyak lagi sekolah-sekolah lain diberi peluang untuk digelar “Sekolah Hijau” dalam usaha menggalakkan lebih ramai lagi pelajar menghayati

dan menghargai alam sekitar. MPSP juga mensasarkan sebanyak 100 buah sekolah akan terlibat dalam program ini pada tahun hadapan.

Hadirin sekalian,

Ucapan terima kasih kepada penaja Program Anugerah Sekolah Hijau, Continental Automative Components Malaysia Sdn. Bhd. kerana sanggup bekerjasama dengan MPSP bagi menjayakan program Anugerah Sekolah Hijau ini. Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) berharap Continental Automative Components Sdn Bhd dapat terus menganjur dan menaja anugerah ini. Hal ini kerana, program seumpama ini mampu memberi impak yang besar terutama kepada masyarakat bagi mewujudkan kesedaran terhadap 4R, *Rethink, Reduce, Reuse, Recycle*.

Saya sudahi dengan Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.